**BAHAGIAN A**
**( 20 markah )**

1 Fitrah beragama ialah naluri semula jadi ____________

A menyayangi Allah SWT.
B mengaku adanya Allah SWT.
C beribadah kepada Allah SWT.
D menolak kewujudan Allah SWT.

2 Pernyataan manakah yang menerangkan ciri-ciri orang yang beragama

i Sentiasa redha dengan ketentuan daripada Allah SWT
ii Mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang merosakkan akal
iii Memiliki jiwa mantap dan teguh di atas prinsip kebenaran
iv Berakhlak buruk dan suka menimbulkan kekacauan

A i dan ii
B ii dan iii
c i dan iii
D iii dan iv

3 Rasul Ulul Azmi ialah rasul-rasul yang __________

A memiliki kesabaran paling tinggi
B paling disayangi Allah SWT.
C tidak mudah putus asa
D memimpin umat

4 Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai peranan rasul kecuali ____________

A menyeru manusia menyembah Allah
B menunjukkan cara kehidupan sebenar
C menyampaikan segala perintah dan larangan Allah SWT
D terpelihara daripada melakukan dosa besar dan dosa kecil

5

X →
- Membuktikan kebenaran kerasulan
- Menunjukkan kekuasaan Allah SWT.
- Menambah keyakinan terhadap rasul

Berdasarkan pernyataan di atas, X ialah

A maksum
B makrifat
C mukjizat
D maunah

Dapatkan skema Jawapan di Laman
www.banksoalanspm.com

6 Berikut adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan insan sesama insan kecuali

A memelihara hal ehwal jiran tetangga
B membantu mereka yang memerlukan bantuan
C menguruskan alam secara bijaksana dan tidak merosakkan persekitaran
D menjalikan hubungan yang baik tanpa mengira keturunan , agama, dan bangsa

7 Tujuan Allah SWT merahsiakan perkara-perkara ghaib daripada pengetahuan manusia adalah untuk menguji

i menunjukkan kebijaksanaan manusia
ii menguji keimanan hamba-hambanya
iii mengkaji kelemahan-kelemahan manusia
iv menunjukkan kekuasaan Allah yang menjadikan alam ini

A i dan ii
B ii dan iv
C i dan iii
D iii dan iv

8 Pemikiran yang selari dan menepati kehendak syariah Islam ialah : ________________

A berfikiran positif untuk memajukan diri , keluarga , agama dan bangsa
B memikirkan perkara-perkara yang berkaiatan menyeronokkan diri
C berfikir untuk kebahagian diri sendiri
D memusnahkan segala ciptaan Allah.

9 Ilmu yang berkaitan dengan kepentingan hidup di dunia dan akhirat yang menjadi kewajipan manusia menuntutnya

A Ilmu Falak
B Ilmu Fekah
C Ilmu Fardu Ain
D Ilmu Fardu Kifayah

10

| |
|---|
| • Boleh berubah<br>• Bersifat sementara<br>• Terdedah kepada kesilapan |

Pernyataan di atas merujuk kepada __________________

A Akal
B Hadis
C Wahyu
D Al-Quran

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

11 “ Sesungguhnya agama yang benar dan diredai di sisi Allah ialah Islam “

( Al-Imran )

Maksud ayat si atas menunjukkan Islam sebagai _______________

A Al-Quran
B Al-wahyu
C Al-Huda
D Addin

12 Ciri-ciri Hadis Dhaif ialah _______________

i Perawi yang thiqah
ii Perawi yang lena
iii Perawi yang fasik
iv Perawi yang adil

A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

13

- Taasub dengan bangsa dan darjat
- Berfahaman sempit
- Menafikan kekuasaan Tuhan

Keterangan di atas merujuk kepada ________________

A Matlamat pengaruh asing
B Tujuan pengaruh asing
C Ciri-ciri pengaruh asing
D Kesan pengaruh asing

14 Berikut adalah sumber-sumber perundangan Islam mengikut keutamaan dan susunan yang betul

A Al-Quran,Al-Hadis,Al-Qias,Al-Ijmak
B Al-Quran,Al-Ijmak,Al-Hadis,Al-Qias
C Al-Quran,Al-Hadis,Al-Ijmak,Al-Qias
D Al-Quran,Al-Ijmak,Al-Qias,Al-Hadis

15 Pertambahan dalam urusan pinjaman ,hutang piutang atau pertukaran barang sejenis atau tambahan bayaran hutang .

Pernyataan di atas merujuk kepada ____________________

A Riba
B Rasuah
C Monopoli
D Manipulasi

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

16 Mengapakah manusia diberi pengiktirafan hak milik ________________

A manusia menjadi malas berusaha untuk berusaha kerana harta mereka akan dirampas
B Supaya manusia boleh berbangga dengan kemewahan memiliki harta
C Manusia tidak bebas untuk mengguna dan memiliki hartanya
D Harta mereka dapat diwarisi kepada warisnya

17

| |
|---|
| • Hidup dalam kesempitan<br>• Tersisih oleh masyarakat<br>• Sering dipandang hina |

Pernyataan di atas merujuk kesan kehidupan tanpa pekerjaan kepada ____________

A Diri
B Negara
C Keluarga
D Masyarakat

18 Kemudahan yang disediakan oleh sistem muamalah Islam bagi memberi pertolongan kepada orang yang tidak mempunyai wang untuk mendapat sesuatu keperluan muamalah berikut adalah merujuk kepada _______________

A Zakat
B Ar-Rahnu
C Sewa-menyewa
D Jual-beli

19 Berikut adalah perkara-perkara yang merosakkan ibadah

i murtad
ii Riak
iii membunuh
iv Ujub

A i , ii dan iii
B i , ii dan iv
C ii , iii dan iv
D i , iii dan iv

20 Pengertian kekuatan ekonomi bermaksud ________________

A Sistem ekonomi yang teguh dalam segala bidang
B Pemangkin kemajuan dan kemakmuran negara
C Mewujud jatidiri dalam urusan jualbeli
D Memiliki daya kreatif , inovatif dan produktif dalanm ekonomi

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

## Bahagian B

[20 markah]

**Soalan 21** *hingga* **Soalan 24**

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa

| | | | |
|---|---|---|---|
| 21 | Beriman kepada Allah SWT dan sifat-sifatNya tanpa keraguan. | | 1 |
| 22 | Segala hukum , prinsip dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu dan hadis. | | 1 |
| 23 | Pengabdian kepada Allah SWT melalui perbuatan ,perkataan ,dan pengakuan hati yang berlandaskan syariat Allah SWT serta meyakini hanya sahaja yang layak ditaati dan dipatuhi. | | 1 |
| 24 | Sesuatu harta yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hambanya untuk dimiliki dan dimanfaatkan. | | 1 |

| **Soalan 25** *hingga* **30**<br><br>Lengkapkan pernyataan berikut | | Untuk Kegunaan Pemeriksa | |
|---|---|---|---|
| 25 | Pembubaran perkahwinan dalam Islam boleh berlaku secara talak, fasakh dan ________________________ | | 1 |
| 26 | Penyalahgunaan kuasa dan rasuah merupakan bentuk-bentuk ________________ harta yang diharamkan | | 1 |
| 27 | Kesan fahaman __________________________ mengakibatkan hilang rasa hormat terhadap nabi sebagai utusan Allah SWT. | | 1 |
| 28 | Islam sebagai ad-Din mengatur cara hidup yang lengkap merangkumi aspek _______________________ ibadat dan akhlak. | | 1 |
| 29 | Fahaman yang memisahkan nilai-nilai agama dari kehidupan dikenali sebagai _____________________ | | 1 |
| 30 | Hukuman yang memberi pengajaran dan ingatan kepada masyarakat mengikut budi bicara kadi atau hakim dinamakan _______________ | | 1 |

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

**Soalan 31 hingga 34**

Tentukan pernyataan di bawah dengan menandakan (P,Q,R,S) pada ruang yang disediakan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| P | Qadha | Q | Fikah |
| R | Ijtihad | S | Al-Ijmak |

| *Untuk kegunaan Pemeriksa* | | Pernyataan | Jawapan |
|---|---|---|---|
| 1 | 31. | Kefahaman tentang hukum-hukum yang terdapat dalam Islam | |
| 1 | 32. | Keputusan yang diputuskan oleh mahkamah berdasarkan hujah dan bukti | |
| 1 | 33. | Persetujuan antara ulamak Islam daripada umat nabi Muhammad S.A.W mengenai hukum syarak pada suatu masa selepas kewafatan Rasulullah S.A.W | |
| 1 | 34. | Suatu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan Al-Quran dan al-Hadis | |

**Soalan 35** *hingga* **Soalan 36**

Carta di bawah adalah golongan yang tidak layak menguruskan harta.




35 X ialah ________________________________

36 Y ialah ________________________________

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com

Soalan 37 hingga Soalan 40

*Untuk kegunaan Pemeriksa*

Tandakan ( ✓ ) pada pernyataan yang BETUL.
Tandakan ( ✕ ) pada pernyataan yang SALAH.

| No. | Pernyataan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 37 | Al-Murabahah dan al-bai' bithamin Ajil merupakan suatu bentuk simpanan dan pelaburan wang . | | 1 |
| 38 | Wakaf ialah harta yang diserahkan untuk faedah orang ramai yang yang berkaitan dengan agama Islam. | | 1 |
| 39 | Semua makhluk yang hidup di dunia ini terikat dengan masa,tempat dan ruang yang tertentu adalah salah satu prinsip Syumuliyyah. | | 1 |
| 40 | Akal sahaja yang berperanan untuk menimba Ilmu pengetahuan dan memahami kewujudan kekuasaan Allah SWT. | | 1 |

**KERTAS SOALAN TAMAT**

| **Markah Bahagian B** |
|---|
| |

Dapatkan skema Jawapan di Laman

www.banksoalanspm.com